

Pemuda ragui niat Kuan Yew

BH - 4/10/2006

Menteri Mentor tahu kesan kenyataan

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Pemuda Barisan Nasional (BN) menerima dengan berat hati permohonan maaf Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew berhubung kenyataannya bahawa masyarakat Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik.

Ketua Pemuda BN, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata soal sama ada bekas Perdana Menteri Singapura itu ikhlas atau tidak dalam mengeluarkan permohonan maaf itu perlu disemak sejarah bekas pemimpin itu.

"Tapi, apa yang sudah diucapkan telah pun diucapkan dan tersebar ke peringkat akar umbi. Mengenali Lee Kuan Yew, beliau memang seorang yang tidak menyatakan sesuatu tanpa berfikir.

"Mengambil kira kenyataan itu datang daripada seorang yang bijak dan berpengalaman, memang janggal bagaimana beliau boleh mengeluarkannya," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemuda BN di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, seperti diketahui umum, bukan mudah untuk Kuan Yew memohon maaf dan tindakannya berbuat demikian kel-

marin mencerminkan kesepakatan kaum di Malaysia yang menyatakan dengan jelas kejayaan konsep BN.

Beliau berkata, Pemuda BN yakin bahawa Kuan Yew terpaksa minta maaf kerana bantahan terhadap kenyataan beliau datang daripada setiap lapisan masyarakat dan kepemimpinan negara.

"Bila pemimpin parti komponen BN sendiri bersatu hati mempertahankan kedudukan dan maruah kita, ini menyedarkan Kuan Yew untuk meminta maaf dan ini saya lihat se-

“Apabila maruah, kedaulatan serta kedudukan kita sebagai bangsa Malaysia tergugat, kita tak benarkan orang luar eksploitasi hal dalaman kita”

Hishammuddin Hussein
Ketua Pemuda BN

bagai satu kekuatan dan kelebihan BN," katanya.

Hishammuddin berkata, semangat begitulah yang perlu dihayati pemimpin muda BN, kerana apabila kedudukan kita tercabar, hanya kita dapat mempertahankan maruah bangsa dan tanah air sendiri.

Sementara itu, beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, kementerianya yang diperuntukkan RM23 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), akan memberi tumpuan memastikan semua aliran sekolah yang ada di Malaysia terus dibangunkan bagi memastikan ia dapat membangunkan modal insan negara.

"Permohonan membina atau program menaik taraf sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil atau Cina akan dikaji dan diteliti mengikut keperluan. Yang penting bukan sekolah, tetapi produk yang dapat dilahirkan iaitu modal insan," katanya.

Hishammuddin berkata, bukan bilangan sekolah yang terlalu diambil kira tetapi memastikan kedudukan semua aliran sekolah sama ada SRJK, SRJKT, Sekolah Agama, Sekolah Antarabangsa, Swasta dan Sekolah Kebangsaan dipastikan terus wujud.